

## Analisis Hujah Al-Quran dan Hadis Berkaitan Orang Mati Boleh Mendengar Kata-kata Orang Hidup

### *Analysis of Quranic and Hadith Arguments Regarding the Dead Being Able to Hear the Words of the Living*

**Mariam Nabihah Mohd Azmi<sup>1</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>2\*</sup>, Muhammad Suhaimi Sulong<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Akademi Darul Huffaz,  
No 72, Jalan Perjiranan 2, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru, 81100, MALAYSIA

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor, 43000, MALAYSIA

<sup>3</sup> Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [sahlawati@kuis.edu.my](mailto:sahlawati@kuis.edu.my)  
DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2025.06.02.006>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 17 Jun 2025  
Diterima: 3 November 2025  
Diterbitkan: 31 Disember 2025

#### Kata Kunci

Pandangan ulama', pendengaran orang mati, akidah Islam, prinsip tauhid, Muslim kontemporari, metodologi kualitatif

#### Abstrak

Perdebatan mengenai sama ada orang mati boleh mendengar kata-kata orang hidup merupakan isu klasik dalam khazanah keilmuan Islam yang terus relevan dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari di Malaysia, khususnya apabila ia dikaitkan dengan amalan keagamaan yang berpotensi menyimpang daripada prinsip tauhid, seperti pemujaan kubur dan permohonan kepada selain Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritikal pandangan para ulama berkaitan isu pendengaran orang mati, serta menilai kekuatan hujah setiap pandangan melalui pendekatan tarjih berasaskan dalil al-Quran, hadis, dan kaedah istidlal yang muktabar. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen dan analisis kandungan terhadap ayat al-Quran dan hadis dalam disiplin akidah dan tafsir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pandangan ulama terbahagi kepada dua aliran utama, iaitu golongan yang menetapkan kemampuan orang mati untuk mendengar dalam keadaan tertentu berdasarkan nas-nas khusus, dan golongan yang menafikan kemampuan tersebut secara umum berasaskan dalil-dalil yang menegaskan hasil hubungan antara alam hidup dan alam barzakh. Analisis kajian mendapati bahawa perbezaan ini berpunca daripada pendekatan kaedah yang berbeza dalam memahami teks wahyu, khususnya antara kitab-kitab tafsir. Kajian ini menyumbang kepada wacana akidah di Malaysia dengan analisa pandangan ulama' berdasarkan al-Quran dan hadis, sekali gus membantu memperjelas batasan akidah yang sahih dalam menangani amalan keagamaan masyarakat.

**Keywords**

*Scholars' views, hearing the dead, Islamic faith, principle of monotheism, contemporary Muslims, qualitative methodology*

**Abstract**

*The debate on whether the dead can hear the words of the living is a classic issue in Islamic scholarship that continues to be relevant in the context of contemporary Muslim society in Malaysia, especially when it is associated with religious practices that potentially deviate from the principle of monotheism, such as grave worship and supplication to others than Allah SWT. This study aims to critically analyse the views of scholars on the issue of hearing the dead, as well as evaluate the strength of the arguments of each view through a tarjih approach based on evidence from the Quran, hadith, and the method of istidlal that is muktabar. This study employs a qualitative methodology, utilising document analysis and content analysis of verses from the Quran and hadith in the disciplines of aqidah and tafsir. The study findings reveal that scholars' views are divided into two main schools: those who establish the ability of the dead to hear under certain circumstances, based on specific texts, and those who deny such ability in general, based on evidence that asserts the relationship between the living world and the barzakh world. The study analysis found that this difference stems from different methodological approaches in understanding the text of revelation, especially between the books of tafsir. This study contributes to the discourse on faith in Malaysia by analysing the views of scholars based on the Quran and hadith, thus helping to clarify the boundaries of valid faith in dealing with the religious practices of society.*

**1. Pengenalan**

Al-Quran dan hadis merupakan wahyu daripada Allah untuk dijadikan sebagai panduan kepada manusia daripada kesesatan kepada jalan yang benar yang diredai oleh Allah dan Rasulnya (Mohammad Zamri Jusoh & Mohd Fadhlil Azi, 2024). Al-Quran merupakan kalam Allah dan mukjizat yang kekal yang diturunkan oleh Nya kepada makhluk-makhluk-Nya untuk membimbing mereka ke jalan yang lurus (Mohammad Rusdi Ab Majid *et. al*, 2021). Hadis pula daripada Nabi Muhammad s.a.w dan Baginda tidak menyampaikan sesuatu mengikut hawa nafsunya melainkan apa yang diwahyukan oleh Allah kepadanya (Rosmawati Ali, 1997). Oleh disebabkan itu, tiada percanggahan yang berlaku di antara al-Quran dan hadis sepertimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran, Allah berfirman dalam surah Fussilat ayat 42 yang bermaksud: “Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji” dan surah an-Nisa ayat 8 yang bermaksud: “Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya”.

Walaupun bagaimanapun, terdapat berlaku percanggahan yang kelihatan di mana hanyalah percanggahan pandangan atau pemikiran bukanlah percanggahan hakikat di antara nas-nas syariat. Antaranya nas-nas yang kelihatan bercanggah adalah mengenai pendengaran orang yang mati terhadap kata-kata orang yang hidup, antara ayat 80 surah al-Naml, ayat 52 surah al-Rum, ayat 22 surah Fatir dengan hadis Qalib Badr. Bagi amalan menziarahi kubur, ia merupakan amalan sunat yang disepakati oleh empat mazhab serta dianjurkan di dalam Islam agar selalu mengingati kematian dan beriman dengan alam barzakh, berdasarkan daripada Hadis Nabi: “Adalah aku dahulu telah melarang kamu menziarahi kubur, maka ziarahlah” (Hadis Riwayat Muslim). Walaupun bagaimanapun, terdapat segelintir manusia melakukan perbuatan syirik dan khurafat dengan melakukan ritual penyembahan kubur atau seumpama dengannya.

Di Malaysia, perkara khurafat dan syirik yang kita boleh lihat apa yang berlaku di Pulau Besar, Melaka adanya perbuatan pemujaan kubur wali yang merupakan salah satu perbuatan syirik dan khurafat (Abdullah, 2020), serta terdapat juga pemujaan kubur yang berlaku di kubur para ulama antaranya kubur Nik Abdul Aziz (Muhammad, 2015). Sedia diketahui bahawasanya syirik yang pertama berlaku di muka bumi ini adalah dengan memuja-muja orang soleh (Hasiyah, 2017), sepertimana yang dijelaskan di dalam Surah Nuh ayat 23 yang bermaksud: “Dan (ketua-ketua) mereka (menghasut dengan) berkata: ‘Jangan kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutama (penyembahan) Wadd, dan Suwaa', dan Yaghuth, dan Ya'uuq, serta Nasr.”

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan dengan harapan untuk menghalang berlakunya perbuatan syirik serta memberi pendidikan dan kesedaran bahawa perbuatan pemujaan kubur ini merupakan satu perkara yang sia-sia. Tujuan kajian ini ditulis adalah untuk menerangkan segala pandangan ulama mengenai pendengaran orang mati terhadap kalam orang hidup serta melakukan tarjih berdasarkan dalil-dalil dan pendapat para ulama.

## 2. Sorotan Kajian

Isu berkaitan sama ada orang mati boleh mendengar kata-kata orang yang hidup merupakan salah satu perbincangan akidah yang sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Kekeliruan ini berpunca daripada kewujudan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis sahih yang secara zahirnya kelihatan saling bercanggah, khususnya antara nas yang menafikan pendengaran orang mati dengan hadis yang menunjukkan seolah-olah orang mati mampu mendengar, seperti hadis dialog Nabi SAW dengan ahli kubur selepas Perang Badar (Riwayat Muslim).

Perbincangan ini menjadi lebih signifikan apabila ia sering disalahfahami sehingga membawa kepada amalan yang bercanggah dengan prinsip tauhid, seperti meminta pertolongan daripada orang mati atau meyakini mereka mampu memberi manfaat dan mudarat. Justeru, para ulama' telah memberi perhatian khusus terhadap isu ini dengan mengemukakan pelbagai pendekatan dalam memahami dan mengharmonikan nas-nas syarak, sama ada melalui kaedah al-jam' wa al-taufiq, al-tarjih mahupun memahami nas berdasarkan konteks dan tujuan syarak.

Kitab bertajuk *Ahadith al-'Aqidah al-Mutawwahan Isyakalaha fi al-Sohihain* ditulis oleh Dr Sulaiman bin Muhammad, pada 2016 ini menerangkan mengenai hadis-hadis yang kelihatan bercanggah antara satu sama lain yang terdapat di dalam dua kitab hadis yang utama iaitu Sahih Al-Bukhari dan Sahih Muslim. Ia mengandungi 3 bab utama dan setiap bab mengandungi topik-topik kecil, kesemua bab ini disusun mengikut turutan bab di dalam 2 kitab hadis tersebut. Pada bab ke tiga topik yang keenam ada membincangkan mengenai pendengaran orang mati terhadap kata-kata orang yang hidup, perbincangan ini dibahagikan kepada 2 bahagian, yang pertama menyebut hadis-hadis yang bercanggah antara satu sama lain, dan kedua disebut pandangan-pandangan para ulama mengenai masalah ini.

Selain itu, dalam kitab *Al-Ahadith Al-Musykilah Al-Waridah fi Tafsir Al-Quran Al-Karim* ditulis oleh Dr Ahmad bin Abdul Aziz, pada 2008 ini telah membincangkan mengenai perkara yang kelihatan bercanggah di antara Al-Quran dan Hadis. Kandungan di dalam kitab ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama membincangkan mengenai sebab, syarat, dan usaha para ulama untuk menyelesaikan masalah ini, manakala bahagian kedua pula membincangkan mengenai perkara yang kelihatan bercanggah di antara Al-Quran dan Hadis di mana mengandungi 44 masalah. Setiap masalah akan disebutkan ayat dan hadis yang kelihatan bercanggah, kemudian dibawa pandangan-pandangan para ulama mengenai masalah tersebut.

Seterusnya, kitab *Adhwa' al-Bayyan fi Idhah Al-Quran bi Al-Quran* ditulis oleh Sheikh Muhammad al-Amin al-Syanqiti. Tafsir ini merupakan tafsir yang sangat masyhur dan sering diguna pakai di dalam pengajian formal dan tidak formal. Setiap surah ditahsirkan di dalam Al-Quran menggunakan metodologi tahlili iaitu menghuraikan dan menganalisis ayat Al-Quran serta masalah pendengaran orang yang mati terhadap kata-kata orang yang hidup dibincangkan ketika mentafsirkan ayat 80 surah al-Naml.

Kitab *Al-Ruh* yang ditulis oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah merupakan kitab yang khusus membincangkan mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan roh lebih-lebih lagi selepas kematian. Ia mengandungi sebanyak 21 masalah (terutama dalam masalah pertama dan keenam) berkaitan roh antaranya masalah pertama adakah orang yang mati mengenali orang hidup yang menziarahi mereka dan memberi salam kepada mereka?

Akhir sekali, melalui kajian dari *Al-Sam'u fi Al-Quran al-Karim: Dirasat mawdu'iyah*, ditulis oleh Abdullah bin Abdul Rahman al-Khatib membincangkan mengenai istilah-istilah pendengaran dan makna-maknanya yang terdapat di dalam Al-Quran. Kajian ini mengandungi istilah al-Sam'u gaya bahasanya dan penggunaannya di dalam Al-Quran.

## 3. Metodologi

Kajian ini membincangkan tentang pandangan ulama' melalui menganalisis ayat al-Quran dan hadis mengenai pendengaran orang yang mati terhadap kata-kata orang yang hidup. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif melalui analisa kandungan dan dokumen dengan mempunyai keinginan untuk mengetahui lebih mendalam tentang fakta, pengalaman, konsep dan sebagainya (Zanaton Iksan et. al, 2016).

Kaedah dokumentasi telah digunakan dengan mendapatkan maklumat berkenaan kajian ini. Dokumentasi ini bermaksud yang berasal daripada catatan yang penting tanpa mengira individu ataupun organisasi (Creswell, 2009; Othman Lebar, 2006). Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan kajian iaitu antara dokumen yang digunakan ialah al-Quran dan hadis sahih antaranya Sahih Al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Nasaie, Sunan At-Tirmizi, kitab-kitab tafsir seperti Tafsir At-Thobari, Tafsir ibn Kathir, Takwil Mukhtalif Al-Hadi, buku-buku ilmiah dan jurnal dan artikel yang berkaitan.

## 4. Perbincangan Hasil dapatan

Para ulama dari kalangan empat mazhab Islam telah mengemukakan pandangan mereka dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis yang disebut serta menguatkan pandangan mereka berhujahkan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang lain yang berkaitan sebahagiannya daripada penelitian kitab-kitab yang dijalankan dalam sorotan

kajian. Mereka berusaha untuk mengajar orang awam kaedah berinteraksi dengan ayat al-Quran dan hadis yang kelihatan bercanggah.

Terdapat dua pendapat atau pandangan ulama' berkenaan dalam kajian ini iaitu setelah di teliti, ada di antara mereka yang bersepakat di mana mereka mengatakan bahawa orang yang mati itu boleh mendengar kata-kata orang yang hidup. Manakala, terdapat juga mereka yang menafikan pendengaran orang yang mati dalam mendengar kata-kata orang yang hidup. Maka, di dalam bab ini akan menyatakan pendapat-pendapat para ulama' berkenaan permasalahan ini serta dalil-dalil yang digunakan sebagai hujah mereka.

Pada setiap pandangan mereka terbahagi kepada beberapa pendapat kecil disebabkan takwilan mereka terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis berbeza-beza. Oleh itu, ayat al-Quran dan hadis diperjelaskan dengan pendapat-pendapat yang mereka kemukakan.

#### 4.1 Pendalilan Al-Quran dan Hadis

Berdasarkan tiga ayat al-Quran berikut, apa yang boleh difahami ialah orang yang mati tidak dapat mendengar kata-kata orang yang hidup seperti mana yang disebutkan di dalam surah an-Naml ayat 80 dan surah ar-Rum ayat 22 dan di dalam surah Fatir ayat 22 dimana Surah an-Naml ayat 80 yang bermaksud: "Sungguh, engkau tidak dapat menjadikan orang yang mati dapat mendengar dan (tidak pula) menjadikan orang yang tuli dapat mendengar seruan, apabila mereka telah berpaling ke belakang."

Dalam Surah ar-Rum ayat 52 pula bermaksud: "Maka sungguh, engkau tidak akan sanggup menjadikan orang-orang yang mati itu dapat mendengar, dan menjadikan orang-orang yang tuli dapat mendengar seruan, apabila mereka berpaling ke belakang." Surah Fatir ayat 22 memberi maksud: "Dan tidak (pula) sama orang yang hidup dengan orang yang mati. Sungguh, Allah memberikan pendengaran kepada siapa yang Dia kehendaki dan engkau (Muhammad) tidak akan sanggup menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar."

Tambahan lagi, berdasarkan hadis Riwayat Muslim, didapati bahawa perbuatan Nabi Muhammad S.A.W bercakap kepada mayat orang kafir Quraisy yang mati di peperangan Badar, menunjukkan bahawa orang mati itu dapat mendengar kata-kata orang yang hidup.

Maksud hadis: Anas b. Malik melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w membiarkan mayat orang-orang kafir yang bertempur di Badar (berbaring tidak dikuburkan) selama tiga hari. Dia kemudian datang kepada mereka dan duduk di sebelah mereka dan memanggil mereka dan berkata: "Wahai Abu Jahl bin Hisham, wahai Umayya bin Khalaf, wahai Utba bin Rab'ila, wahai Shaiba bin Rabi'a, apakah kalian telah menemukan apa yang dijanjikan Tuhan kalian dengan benar? Sesungguhnya aku telah menemukan apa yang dijanjikan Tuhanku dengan benar!". Umar mendengarkan kata-kata Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah, bagaimana mereka mendengar dan menjawab? Mereka sudah mati dan mayat mereka telah reput. Setelah itu Nabi s.a.w berkata: Demi Dia di tangan-Nya adalah hidupku, apa yang aku katakan kepada mereka, walaupun kamu tidak dapat mendengar dengan lebih jelas daripada mereka, tetapi mereka tidak memiliki kekuatan untuk menjawab". Kemudian dia memerintahkan agar mereka dimakamkan di perigi Badar." [Riwayat Muslim, (2875)]

Oleh disebabkan itu, timbul permasalahan bahawa berlaku percanggahan yang mana di dalam al-Quran menyatakan bahawa orang yang mati itu tidak dapat mendengar kata-kata orang yang hidup, manakala di dalam hadis Nabi pula menunjukkan bahawa orang yang mati dapat mendengar orang yang hidup.

#### 4.2 Perbincangan Hasil Dapat

Para Ulama berbeza pendapat dalam mengharmonikan permasalahan ini iaitu ianya telah membahagikan mereka kepada 2 pandangan.

##### 4.2.1 Pandangan Pertama: Pandangan yang Menetapkan Orang Mati Mampu Mendengar

Pandangan pertama ini merupakan pendapat majoriti ulama berkenaan dengan masalah ini. Mereka mengatakan bahawasanya orang yang mati mampu mendengar kata-kata orang yang hidup berhujahkan dengan hadis Nabi s.a.w yang disebutkan di bab 3 dan mentakwilkan ayat-ayat al-Quran yang menafikan pendengaran orang yang mati. Ini merupakan pendapat al-Qurtubi, Ibn Taimiyyah, Ibn Kathir, as-Suyuthi, al-Syanqiti, Ibn Uthaimin dan lain-lain. Walaubagaimanapun, mereka berbeza pandangan ketika menakwilkan ayat al-Quran yang menafikan pendengaran orang yang mati, antara takwilan mereka ialah:

Takwilan pertama dengan perkataan "الموتى" iaitu orang-orang yang mati yang disebutkan di dalam ayat surah an-Naml, ar-Rum dan Fatir ialah bermaksud orang-orang kafir yang hidup, bukanlah bermaksud orang yang mati secara hakikat. Takwilan ini merupakan pendapat Ibn Qutaibah, al-Baghwi, al-Zamaksyari, Ali al-Qari (Sultan Muhammad, 2001), as-Suyuthi, al-Syanqiti dan Ibn Uthaimin.

Ibn Qutaibah berpendapat orang-orang mati yang disebutkan di dalam ayat berkenaan adalah orang-orang yang jahil. Yang dimaksudkan oleh Ibn Qutaibah adalah orang-orang kafir kerana mereka enggan menerima apa yang dibawa oleh Nabi s.a.w, kemudian bagi menguatkan takwilan beliau, beliau membawa ayat-ayat Al-Quran Surah Al-Fatir, ayat 19-20,22 yang bermaksud: "Dan tidaklah sama orang buta dengan orang yang melihat."

(Fatir:19) “Dan tidaklah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang-benderang.” (Fatir:20), dan Maksudnya: “Dan (Demikianlah pula) tidaklah sama orang-orang yang hidup dengan orang-orang yang mati.” (Fatir:22).

Ketiga-tiga ayat ini adalah perumpamaan untuk orang yang beriman dan orang yang kafir, di mana pada ayat pertama “orang buta” adalah bermaksud orang yang kafir dan “orang yang melihat” adalah orang yang beriman, pada ayat kedua “gelap-gelita” adalah orang yang kafir dan “cahaya yang terang-benderang” orang yang beriman, manakala pada ayat ketiga pula “orang-orang yang hidup” adalah orang yang beriman dan “orang-orang yang mati” bermaksud orang yang kafir (Ibn Qutaibah, 1998).

Al-Baghwi (Al-Baghwi, 1982), al-Zamakhshari (al-Zamakhshari, 1987), al-Sam’ani (al-Sam’ani, 1997) dan al-Syanqiti pada tafsiran pertama (al-Syanqiti, 2019) mentafsirkan ayat-ayat yang menafikan pendengaran orang yang mati di dalam buku tafsir mereka, mengatakan yang dimaksudkan “orang yang mati” adalah orang kafir yang telah dimatikan hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar dan menerima apa yang disampaikan oleh Nabi s.a.w itu merupakan kebenaran. Perumpamaan orang kafir dengan orang yang mati adalah disebabkan sifat orang kafir itu sendiri seperti orang yang mati, apabila diperdengarkan kepada mereka ayat-ayat Allah mereka memekakkan telinga mereka seperti mereka tidak mendengar.

As-Suyuthi di dalam kitabnya al-Hawii lil Fatawa (as-Suyuthi, 2003) ada menjawab soalan mengenai pendengaran orang yang mati dalam bentuk sebuah syair, jawapan beliau adalah orang yang mati itu mampu mendengar kata-kata orang yang hidup, namun ayat yang menafikan pendengaran orang yang mati itu adalah orang kafir yang tidak mahu mendengar hidayah yang disampaikan kepada mereka.

Ibn Uthaimin, 2001, mengatakan di dalam kitabnya al-Syarah al-Mumti’ “adapun firman Allah s.w.t di dalam surah an-Naml ayat 80 adalah bermaksud orang yang dimatikan hati mereka iaitu orang kafir”.

Antara dalil ulama yang berpandangan dengan takwilan ini ialah, hasil kajian dan pembacaan mereka terhadap al-Quran dimana kebanyakan ayat yang disebutkan “الموتى” iaitu orang yang mati adalah bermaksud orang kafir antaranya dalam Surah Al-An’am ayat 36 bermaksud: “Hanya mereka yang mendengar sajalah yang mematuhi (seruan Allah), dan orang-orang yang mati (hatinya), akan dibangkitkan oleh Allah, kemudian kepada-Nya-lah mereka dikembalikan” (Al-An’am: 36). Serta dalam ayat 122 yang bermaksud: “Dan apakah orang yang sudah mati kemudian dia Kami hidupkan dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, serupa dengan orang yang keadaannya berada dalam gelap gulita yang sekali-kali tidak dapat keluar dari padanya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang telah mereka kerjakan.” (Al-An’am:122)

Pada ayat 36 “الموتى” di situ bukanlah bermaksud orang yang mati tetapi bermaksud orang kafir dan pada ayat 122 “ميتا” di situ juga membawa maksud orang kafir, dan sepertimana ayat yang digunakan dalam hujah Ibn Qutaibah sebelum ini.

Takwilan kedua iaitu pendengaran yang dimaksudkan di dalam ayat itu ialah “السمع المنفي” iaitu pendengaran yang dihalang. Pendengaran yang dihalang bermaksud pendengar mendengar tetapi tidak patuh, faham atau mengambil manfaat daripada apa yang didengarinya, dan ia adalah berlawanan dengan pendengaran yang biasa atau normal. Adapun orang yang mati yang disebutkan di dalam ayat-ayat tersebut adalah bermaksud orang yang mati secara hakikat yakni roh yang terpisah daripada jasad mereka.

Oleh itu, Allah telah umpamakan orang kafir seperti orang mati kerana apabila mereka mendengar kebenaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w mereka tidak dengar dan tidak bermanfaat kepada mereka. Ini merupakan pandangan Ibn Taimiyyah, at-Thabari, Ibn al-Qayyim dan disebut oleh al-Syanqiti dalam tafsirannya.

Pendapat Ibn Taimiyyah ada disebutkan di dalam kitabnya Majmu’ al-Fatawa (Ibn Taimiyyah, 1995), di sisi beliau orang yang mati ini mampu mendengar apa yang dikatakan oleh orang yang hidup, namun pendengaran mereka adalah tidak sama seperti pendengaran yang biasa, kemudian beliau menyebut potongan ayat “إِنَّكَ لَا تَسْمِعُ الْمَوْتَى” dan mentafsirkan pendengaran yang dimaksudkan adalah bukan pendengaran yang menerima dan patuh. Disebabkan itu, Allah telah membuat perumpamaan orang kafir seperti orang yang mati kerana apabila Nabi s.a.w berdakwah kepada mereka dan membaca ayat-ayat Allah mereka tidak patuh dan tidak memahami maknanya.

Al-Tabari dalam tafsirnya (at-Thobari, 2001) menjelaskan bahawa orang yang mati ini tidak dapat mendengar seperti mana orang hidup mendengar iaitu apabila mereka mendengar mereka patuh, taat atau mengambil manfaat darinya, ini kerana orang yang mati ini mereka telah berada di alam kubur yang merupakan alam di mana mereka menunggu untuk dihitung amalan mereka dan telah terlepas daripada alam beramal. Maka segala doa yang mengajak mereka beriman adalah tidak bermanfaat kerana mereka tidak boleh patuh dan taat.

Ibn al-Qayyim bersependapat dengan Ibn Taimiyyah dalam hal ini dan turut mengatakan bahawa terdapat saranan Nabi s.a.w memberi salam kepada ahli kubur yang menunjukkan mereka mendengar dan menjawab salam tersebut (Ibn al-Qayyim, 2000). Al-Syanqiti pada dalam tafsirnya (al-Syanqiti, 2019) ada menyebut bahawa tafsiran kedua terhadap surah an-Naml ini mentafsirkan pendengaran disebut adalah pendengaran yang terhalang dan orang yang mati itu adalah mati hakikat, dan disebabkan itu orang kafir diumpamakan dengan orang yang mati.

Berdasarkan penelitian takwilan ini, ulama’ yang mengatakan orang yang mati mendengar kata-kata orang yang hidup turut menguatkan hujah mereka dengan menyebut hadis-hadis lain seperti hadis galakkan memberi



salam kepada ahli kubur dan hadis yang menyatakan ahli kubur mampu mendengar bunyi tapak kaki sebelum mereka di soal oleh malaikat Munkar dan Nakir, hadis-hadis ini akan disebut di bahagian tarjih.

#### 4.2.2 Pandangan Kedua: Pandangan Menafikan Orang yang Mati itu Mendengar

Pandangan ini mengatakan bahawa orang yang mati tidak dapat mendengar kata-kata orang yang hidup berdalilkan daripada 3 ayat al-Quran yang menafikan pendengaran serta mentakwil hadis Nabi s.a.w yang bercakap dengan pemimpin Quraisy yang mati di dalam peperangan Badar. Antara yang berpendapat dengan pandangan ini ialah Qatadah, 'Aisyah, Ibn al-Jawzi, Al-Mazari, an-Nawawi, dan al-Albani. Walaubagaimanapun mereka berbeza pandangan ketika mensyarahkan hadis Qatla Badr, antaranya pada takwilan pertama ianya menafikan terus pendengaran orang yang mati, seperti Aisyah ketika membaca hadis Qatla badar, beliau memberi komentar bahawa orang mati itu tidak mampu mendengar dengan membacakan ayat daripada surah an-Naml dan fatir, serta mengkritik riwayat tersebut (Bukhari, 1993).

Seterusnya pada takwilan kedua pula mereka menafikan pendengaran orang yang mati, namun mengatakan situasi Nabi s.a.w bercakap dengan mayat orang kafir itu adalah mukjizat Baginda s.a.w di mana mereka dihidupkan sebentar. Ini merupakan pendapat Qatadah, al-Mazari, An-Nawawi, Ibn Qudamah, Abu Ya'la dan al-Albani. Qatadah ketika mensyarahkan hadis tersebut mengatakan bahawa "Allah telah menghidupkan mereka ketika Nabi bercakap kepada mereka agar mereka mendengar celaan dan pengecilan tersebut" (Bukhari, 1993). Al-Mazari ketika mensyarahkan hadis tersebut (Ali, 1991) menjelaskan pendirian beliau bahawa beliau setuju dengan pendapat Qatadah dan Allah telah menghidupkan mereka sebentar untuk mendengar percakapan Nabi s.a.w, yang hanya boleh dilakukan oleh Allah yang Maha Kuasa. Pandangan al-Mazari juga turut disokong oleh imam an-Nawawi di dalam kitabnya Syarah Sahih Muslim, apabila beliau menukikan kata-katanya ketika mensyarahkan hadis Qatla Badr (an-Nawawi, 1972).

Ibn Qudamah ada berpendapat bahawa percakapan Nabi dengan ketua kafir Quraisy yang mati ketika peperangan Badar adalah salah satu mukjizatnya (Ahmad, 1997). Abu Ya'la bersependapat dengan Ibn Qudamah dengan mengatakan bahawa situasi yang dinyatakan di dalam hadis tersebut merupakan mukjizat Nabi s.a.w dan ia boleh berlaku pada Baginda s.a.w, tidak pada yang lain (al-Safarini, 2009). Al-Albani dalam komentarnya terhadap buku al-Ayyat al-Bayyinah (Abdullah, 2005) menyatakan pendiriannya atas isu ini bahawa orang yang mati tidak mampu mendengar kata-kata orang yang hidup. Walaubagaimanapun mereka mampu mendengar pada waktu yang khusus seperti ketika orang memberi salam kepada mereka atau ketika mereka mendengar tapak kaki ahli keluarga mereka, dan itu semua hanyalah dengan izin Allah dan kuasaNya sahaja.

Berdasarkan penerangan di atas, mereka yang berpendapat dengan pandangan kedua ini cenderung menyatakan bahawa ayat yang menafikan pendengaran orang yang mati itu jelas ditujukan kepada orang yang mati secara hakikat, walaupun mereka yang mengatakan ia merupakan perumpamaan kepada orang kafir, tidakkah menunjukkan bahawa orang yang mati itu turut tidak mendengar kerana benda yang diumpamakan iaitu orang kafir mestilah sama sifatnya dengan benda yang diumpamakan dengannya iaitu orang mati.

### 5. Kesimpulan

Daripada golongan kedua-dua pandangan ulama' ini terdapat percanggahan lafaz yang timbul berkenaan dengan pendengaran orang yang mati terhadap kata-kata orang yang hidup antara ayat-ayat al-Quran yang menafikannya dan hadis yang menetapkan. Percanggahan yang berlaku ini hanyalah pada lafaz sahaja, tidak pada maknanya kerana seperti yang diketahui Al-Quran dan hadis tidak ada berlaku percanggahan, disebabkan kedua-duanya merupakan wahyu daripada Allah dan petunjuk utama manusia dalam kehidupan dan syariat Islam.

Berdasarkan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis sahih serta pandangan para ulama' muftakar, dapat dirumuskan bahawa asal hukum menunjukkan orang mati tidak mempunyai keupayaan mendengar kata-kata orang hidup secara mutlak, sebagaimana yang ditegaskan oleh beberapa ayat al-Quran yang menyamakan orang mati dengan mereka yang tidak mampu mendengar. Ayat-ayat ini difahami oleh jumhur ulama' sebagai penafian terhadap pendengaran yang bersifat umum dan berterusan.

Namun demikian, hadis-hadis sahih yang menunjukkan seolah-olah orang mati mendengar, seperti dalam peristiwa ahli perang Badar, tidak bercanggah secara hakiki dengan al-Quran, sebaliknya difahami oleh para ulama' sebagai pendengaran yang bersifat khusus, terhad dan dengan izin Allah SWT, bukan suatu kemampuan zatiah yang dimiliki oleh orang mati. Pendekatan ini selari dengan pandangan dan pendapat para ulama' hadis dan tafsir dalam mengharmonikan nas-nas dan dalil-dalil yang kelihatan bertentangan.

Kajian ini juga mendapati bahawa perbezaan pandangan ulama' dalam isu ini berlegar dalam lingkungan perbahasan ilmiah yang muftakar, dan tidak membawa kepada percanggahan dalam asas akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Apa yang menjadi penekanan utama ialah penolakan terhadap sebarang kepercayaan yang meyakini orang mati mampu memberi manfaat, mendatangkan mudarat, atau menjadi perantara permohonan doa, kerana kepercayaan sedemikian boleh membawa kepada unsur syirik.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini. Terima kasih diucapkan kepada rakan sekerja dan kolaborator atas sokongan dan bantuan sepanjang proses penyelidikan.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas itu.

## Perisytiharan Penggunaan AI dalam Penyediaan Manuskrip

Penulis menggunakan Chatgpt untuk membantu menterjemah abstrak ke dalam bahasa Inggeris. Semua kandungan yang dihasilkan telah disemak dan disahkan oleh penulis, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyerahan akhir.

## Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas seperti berikut: **rekabentuk dan konsep kajian:** Sahlawati Abu Bakar; **pengumpulan dan analisa data:** Mariam Nabihah Mohd Azmi, **intepretasi penemuan:** Mariam Nabihah Mohd Azmi, Sahlawati Abu Bakar; **penstrukturan draf manuskrip:** Muhammad Suhaimi Sulong.*

## Bibliografi

Al-Quran al-Karim

Abd. Rahman L. (2016). Hakikat wahyu menurut perspektif para ulama. Dosen Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang.

Abdul Rahman bin Abu Bakar (2003) Al-hawi li al-Fatawa, Dar al-Fikr, Lubnan – cetakan pertama, 2003

Abdul Rahman bin Ali (n.p) Kasyfu Al-Musykil min Hadis As-Sohihain, Dar al-Wathon, Riyadh.

Abdullah bin Ahmad (1997) Al-Mughni, Dar 'Alim al-Kutub, Riyadh – cetakan ketiga.

Abdullah bin Muslim (1998) Takwil Mukhtalif Al-Hadis. al-Maktab al-Islami, Beirut, cetakan kedua.

Ahmad Bin Abdul Aziz (2010) Al-Ahadith Al-Musykilah Al-Waridah Fi Tafsir Al-Quran Al-Karim, Dar Ibn Al-Jawzi, Riyadh – cetakan pertama.

Ahmad bin Abdul Halim (1995) Majmu Al-Fatawa, Majmu' al-Malik Fahhad, Saudi – cetakan am.

Ahmad bin Syu'aib (1986) Sunan al-Nasaie . Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, Syria – cetakan kedua.

al-Husin bin Mas'ud (1982) Syarah al-Sunnah. al-Maktab al-Islami, Beirut, cetakan kedua.

Creswell, J. W. (2009). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications

El-Khatib, A. R. (2012). السمع في القرآن الكريم: دراسة موضوعية, QURANICA-International Journal of Quranic Research, 3 (2), 125-147.

Fuad Bin Muhammad S.a.wari (2021) Al-Madkhal ila Dirasat Usul Al-Fiqh Al-Islami -- IIUM Press, Malaysia – Cetakan kedua.

Hasiah, H. (2018). Syirik dalam perspektif al-Qur'an. Yurisprudencia: Jurnal Hukum Ekonomi, 3(1), 83-102. doi:<https://doi.org/10.24952/yurisprudencia.v3i1.681>.

Ismail bin Umar (1999) Tafsir ibn Kathir. Dar al-Tayyibah, Saudi – Cetakan kedua.

Maad Ahmad, Muhammad Yosef Niteh, Mohd Rofaizal Ibhram (2017). Antara akal dan wahyu dari perspektif Islam. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, 1-11.

Mana' al-Qattan (2014) Mabahis fi 'Ulum Al-Quran, Muassasah al-Risalah, Damsyiq – Cetakan kedua.

Mohammad Rusdi Ab Majid, Norhafiza Mustafa, Mohd Yusri Yusuf, Che Mohd Zaid Yusof, Mohd Alauddin Othman (2021). AL-Quran dan kecemerlangan dalam pendidikan. Jurnal Akademik Minda Pendidik, 8, 135-163.

Mohammad Zamri Jusoh, Mohd Fadhil Azi (2024). Pengajaran Al-Quran dan hadis satu kajian tinjauan. Proceeding Global Vocational Education Symposium, 1(1), 38-43.

Muhammad Abullais bin Yaqub (2011) Ulum Al-Hadith Asiluha wa Mu'asiriha -- Dar al-Syakir, Malaysia – cetakan ketujuh.

- Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar (2019) *Adhwa' Al-Bayan fi Idhah Al-Quran bil Quran -- Dar 'Athoat al-Ilm*, Riyadh – Cetakan Kelima.
- Muhammad bin Abu Bakar (2000) *Al-Ruh*, Dar 'Athoat al-Ilm, Riyadh – cetakan ketiga, 2000.
- Muhammad bin Ahmad (2004) *Tazhib Tahzib Al-Kamal fi Asma' Al-Rijal. al-Faruq al-Hadithah*, Mesir - cetakan pertama.
- Muhammad bin Ahmad (2009) *Al-Buhur Az-Zakhirah fi 'Ulm Al-Akhirah*, Dar al-'Asimah, Riyadh – cetakan pertama.
- Muhammad bin Ali (1991) *Al-Muallim bi Fawaid Muslim -- Dar al-Tunisiyyah*, Tunisia – cetakan kedua.
- Muhammad bin Ali (2005) *Al-Bahru Al-Muhith Al-Thujaj fi Syarah Sahih Muslim*, Dar Ibn al-Jawzi, Riyadh – cetakan pertama.
- Muhammad bin Isa (1975) *Sunan At-Tirmizi. Maktabah Mustafa al-Halibi*, Mesir – cetakan kedua.
- Muhammad bin Ismail (1993) *Sahih Al-Bukhari*, Dar Ibn Kathir, Mesir – cetakan kelima.
- Muhammad bin Jarir (2001) *Tafsir At-Thobari*. Dar Hajar, Mesir – cetakan pertama.
- Muhammad bin Soleh (2005) *Syarah Riyadh Al-Solihin*. Dar al-Wathan, Riyadh – cetakan pertama.
- Nor Hayati Fatni Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, Mohd Huzairi Awang@Husain, Hajarul Bahti Zakaria, Ab. Halim Tamuri (2010). *Al-Quran dan as-sunnah teras ketamadunan manusia*. Prosiding Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah, 1, 1-15.
- Nu'man Bin Mahmud (2005) *Al-Ayat Al-Bayyinah Fi 'Adami Sama'i Al-Amwat 'Inda Al-Hanafiyah Al-Sadat, Maktabah Al-Ma'arif*, Riyadh – cetakan pertama.
- Othman Lebar (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosmawati Ali (1997). *Pengantar Ulum Hadis*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise
- Sahih Muslim – Muslim bin al-Hajaj*, Dar Thoyyibah, Riyadh – cetakan pertama, 2006.
- Sofiah binti Samsudin (2009) *Al-Madkhal ila Dirasat 'Ulm Al-Quran*, IIUM Press, Malaysia – cetakan kedua.
- Sulaiman Bin Muhammad (2007) *Ahadith Al-'Aqidah Al-Mutawaham Isykaluha Fi Al-Sohihain*, Dar al-Minhaj, Riyadh – Cetakan pertama.
- Yahya bin Syarif an-Nawawi (1972) *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*, Dar Ihya at-Turath, Beirut – cetakan kedua.
- Zaidi bin Abdul Karim (2018) *Hal Yasma' Al-Amwat Kalam Al-Ahya'*, Dar Tadmuriyyah, Riyadh – cetakan pertama.
- Zanaton Iksan, Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Mohd Noor Saper (2016). *Kualiti ilmu berasaskan kesahan dan kebolehppercayaan data dalam penyebaran ilmu Islam: Perbincangan berasaskan kajian kualitatif*. Jurnal Hadhari, 8 (1), 13-30.